

## Pemikiran Sisters in Islam dan Hak Asasi Manusia

### *Sisters in Islam's Thought and Human Rights*

INDRIATY ISMAIL & AHMAD MUHYUDDIN HAJI HASSAN

#### ABSTRAK

*Sisters in Islam (SIS) adalah satu di antara organisasi feminisme Islam di Malaysia yang memperjuangkan emansipasi wanita. Ia telah dibentuk dalam tahun 1988 dan didaftarkan secara rasmi sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan (Non Governmental Organisation; NGO) pada tahun 1993 di bawah nama SIS Forum (Malaysia) Berhad. Sungguhpun kemunculan SIS boleh dianggap baharu berbanding pertubuhan NGO wanita yang hadir lebih dahulu sebelumnya seperti National Council of Women's Organizations (NCWO), namun SIS sejak awal kemunculannya lagi telah berjaya menjadi sebuah gerakan feminisme yang paling popular dan terkehadapan di Malaysia. Kajian mengenai perjuangan menegakkan hak-hak asasi manusia berkisar kepada persoalan sejauhmana kefahaman dan komitmen SIS terhadap perjuangan hak-hak manusia ini dalam kerangka perbahasan Islamnya. SIS telah mendakwa sebagai gerakan yang mengkaji, mempromosi dan memperjuangkan hak-hak asasi manusia menurut perspektif Islam. Kajian dilakukan secara kualitatif dan mengguna pakai semua data-data dokumentasi yang diperoleh untuk menghasilkan hasil dapatan kajian yang mantap. Berdasarkan kajian yang mendalam terhadap ideologi perjuangan SIS terhadap Hak Asasi Manusia dan pendirian mereka terhadap ideologi Islam Progresif, artikel ini menyimpulkan terdapat persamaan perjuangan konsep pergerakan SIS dengan asas dan ciri perjuangan Islam Liberal yang sekali gus membuktikan hujah bahawa SIS adalah dari aliran feminisme Islam Liberal. Konklusi ini dibuat berdasarkan sokongan mereka kepada aktiviti organisasi dan komuniti liberal yang berkembang di Malaysia seperti G25, Islamic Renaissance Front (IRF) dan Jaringan Islam Liberal (JIL) di Indonesia. Kumpulan mereka beranggapan bahawa mereka adalah sebagai penyelamat dan penyelesaian masalah wanita dan pihak berautoriti agama dilihat sebagai pihak yang bersalah dan bermasalah.*

*Kata kunci: Feminisme; Sisters in Islam; Islam progresif; Islam liberal; hak asasi manusia*

#### ABSTRACT

*Sisters in Islam (SIS) is one of the Muslim feminist organizations in Malaysia that fights for the emancipation of women. It was formed in 1988 and officially registered as a non-government organization (NGO) in 1993 under the name of SIS Forum (Malaysia) Berhad. Despite being considerably new as compared to other women NGOs such as National Council of Women's Organizations (NCWO), SIS since the beginning of its inception has succeeded in becoming one of the most popular and prominent feminist movements in Malaysia. The study of the struggle for human rights revolves around the question of the extent to which SIS's understanding and commitment to the struggle for human rights in its framework of Islamic debate. SIS has claimed to be a movement that studies, promotes and advocates human rights from the Islamic perspective. The study was conducted qualitatively and employed all the documented data to produce a robust study finding. Based on the profound study of SIS's human rights ideology and their stance on the Progressive Islam's school of thought, this article concludes the similitude of SIS's movement concept with the fundamental and characteristic of the Liberal Islam, thus proves SIS's affinity to the Liberal Islam's ideology of feminism. These conclusions were made based on their affiliation in the activities of Malaysia's growing liberal organizations and communities such as the G25, the Islamic Renaissance Front (IRF) and the Liberal Islamic Network (JIL) in Indonesia. The group depicts themselves as the liberator for Muslim women and propagator for their rights against discriminations by the so-called misguided and oppressive religious authorities.*

*Keywords: Feminism; Sisters in Islam; progressive Islam; liberal Islam; human rights*

#### PENGENALAN

Sejak dari awal penubuhan, SIS dilihat sebagai gerakan feminisme yang paling aktif dan vokal dalam memperjuang dan mempertahankan ideanya.

Fenomena ini telah menjadikan SIS sebagai sebuah gerakan wanita yang sentiasa dibayangi kontroversi di sebalik kejayaannya. Lebih dari itu, perjuangan SIS mendaulatkan hak-hak asasi manusia dan prinsip-prinsip sejagat, serta pendekatan agamanya

yang berasaskan tafsiran dari perspektif hak-hak kemanusiaan, telah mengundang dakwaan yang mengaitkannya dengan aliran fahaman Islam Liberal (Ahmad Muhyuddin 2012: 278).

Secara ringkasnya, perkembangan pergerakan kumpulan wanita tersebut yang bermula dari perbincangan antara kumpulan sahabat, pengkajian dalam bidang perundangan, penglibatan langsung dalam penyediaan bantuan kepada mangsa krisis kekeluargaan, kempen reformasi undang-undang, seterusnya idea pengkajian semula al-Quran, adalah tahap-tahap bagaimana kumpulan feminis ini menuju ke arah pembentukan sebuah organisasi feminisme Islam yang lengkap dengan ideologi, falsafah dan matlamat perjuangan yang tersendiri (Hafizah & Mohd Zamro 2017: 14; Ahmad Muhyuddin 2012: 282). Admin SIS sendiri dalam laman web resmi mereka menjelaskan bahawa perjuangan mereka bertolak atas semangat menyokong revolusi Islam sebagai agama yang meningkatkan martabat kaum wanita (Sisters in Islam 2007). Berasaskan faktor-faktor, semangat dan cita-cita perjuangan ini, mereka mulai bangkit dalam sebuah organisasi keagamaan yang mencari keadilan dari sudut hak-hak kemanusiaan.

SIS dari satu dimensi amat sinonim dengan advokasi Islam Progresif. 'Progresif' berasal dari perkataan Latin 'progredior' yang bermaksud 'maju'. Justeru, Islam Progresif secara bahasa bermaksud 'Islam yang Maju'. Namun, mengikut pengertian istilah yang diberikan oleh ahli sosiologi agama, Islam Progresif sinonim dengan Islam Liberal dalam aspek perjuangan liberalisasi agamanya. Islam Progresif berusaha untuk memperjuangkan kehidupan yang lebih makmur berasaskan nilai-nilai keadilan sejagat yang wujud di dalam al-Quran, di samping merealisasikan seruan liberalisasi agama seperti yang diusahakan oleh Leonardo Boff (1938-), Gustavo Gutierrez (1928-), juga seperti yang ditunjukkan oleh Edward Said (1935-2003) melalui idea sekular humanismenya (Ahmad Muhyuddin 2012: 283-284; Jarmila Drozdikova 2005: 83-95). Sungguhpun begitu, idea-idea dan usaha-usaha tersebut tetap diperjelaskan dalam kerangka Islam yang difahami mereka sebagai agama yang bersifat maju dan sentiasa berkembang. Islam Progresif juga diringkaskan sebagai Islam yang berjuang untuk keadilan sejagat dan menjunjung nilai-nilai pluralisme dalam masyarakat, memberi perhatian yang serius terhadap kesetaraan gender, membela nasib kaum yang tertindas yang terdiri dari golongan miskin, wanita, kanak-kanak dan sebagainya, serta komited dengan usaha reformasi Syariah

demikian merealisasikan cita-cita perjuangan tersebut (Hafizah & Mohd Zamro 2017: 14; Omid Safi 2010; Engineer 2008: 89-90).

Islam Progresif secara realitinya mula tumbuh dan dikembangkan di Amerika Utara oleh pertubuhan Muslims for Progressive Values (MPV) sejak 2004 dan memang mendapat tempat dalam pemikiran sarjana dan intelektual Muslim Liberal kontemporari (Omid Safi 2010). Kurzman pula menjelaskan ciri-ciri aliran Islam Progresif dengan merujuk kepada golongan *Modern Muslims* (Modenis Islam) yang memperjuangkan idea-idea Islam Liberal (Kurzman 1999). Beliau menjelaskan antara idea-idea utama dalam Islam Liberal ialah pengamalan demokrasi, pembangunan dan pemodenan kehidupan, reformasi terhadap hukum Syariah, pluralisme agama, kebebasan bersuara, kebebasan berijtihad, keadilan sosial, keadilan gender, pembelaan hak-hak wanita, penolakan autoriti agama dan pengamalan pendekatan hermeneutik (Kurzman 2003: 2-4, Siti Nurul Atiqah 2018: 37-40). Hermeneutik ialah metode pentafsiran yang digunapakai oleh golongan Liberal sebagai alternatif untuk memahami Kalam Tuhan. Pada awalnya digunakan ke atas kitab Bible dan diperluaskan penggunaannya ke atas pentafsiran kitab suci al-Quran dengan tujuan untuk memperoleh kefahaman yang lebih berbentuk keadilan dan kesamarataan (Ugi Suharto 2003: 22, Abdussalam & Musa Yusuf 2014: 56, Ahmad Muhyuddin 2012: 208).

Salah seorang tokoh Islam Liberal dari Indonesia yang banyak menulis tentang Islam Progresif, Sumanto Al-Qurtuby, menjelaskan maksud Islam Progresif sebagai:

Islam progresif biasanya dimaksudkan sebagai 'Islam yang maju', sesuai dengan asal kata dalam bahasa Latin 'progredior'. Sebagaimana banyak pemikir yang mengaku progresif, mereka menampakkan Islam sebagai 'evolving religion', yakni agama yang selalu berkembang mengikuti zaman. Dalam perspektif ini, Islam juga dipandang sebagai agama budaya. Karena itulah, tidak mengherankan, jika mereka memandang tidak ada satu ajaran Islam yang bersifat tetap. Semua harus tunduk dengan realitas zaman. Agama ditundukkan oleh akal. Salah satu yang banyak dijadikan dasar pijakan adalah aspek 'kemaslahatan' dan sifat Islam sebagai 'rahmatan lil-alamin'

(Sumanto Al-Qurtuby 2009: 176).

Atas fahaman Islam Progresif ini juga, al-Qurtuby melihat sebahagian larangan dalam Syariah adalah sesuatu yang bercanggah dengan ajaran Islam sepertimana yang difahaminya 'sebagai rahmat untuk sekalian alam' (rahmatan lil-alamin). Beliau menjelaskan:

“Agama, apalagi Islam, yang mengusung jargon ‘rahmatan lil-alamin’ - rahmat bagi sekalian alam ini harus memberi ruang kepada umat gay, lesbian, atau waria untuk diposisikan secara *equal* dengan lainnya. Tuhan, saya yakin tidak hanya milik laki-laki dan perempuan saja, tetapi juga ‘mereka’ yang terpinggirkan di lorong-lorong sepi kebudayaan”

(Sumanto Al-Qurtuby 2009: 176).

Menyentuh perbahasan tentang ideologi SIS, ia dilihat merujuk kepada Islam Progresif dalam bentuk aliran pemikiran dan pergerakannya. Hakikat ini boleh difahami dalam penjelasan SIS mengenai realiti Islam yang diwarisi dan diamalkan oleh majoriti umat Islam dewasa ini. SIS telah menganjurkan, sebagai alternatif kepada penolakan terhadap Islam Syariah, supaya Islam dan ajarannya itu ditafsirkan semula agar kembali kepada maksud asal agama itu diwahyukan untuk sekalian umat manusia di sepanjang zaman (Ahmad Muhyuddin 2012: 279). SIS menekankan perlunya diberi nafas baru dan dijenamakan semula Islam agar ia mampu kekal menjadi agama yang bersifat universal, berkembang dan sentiasa relevan dengan kehendak, tuntutan dan perkembangan hidup manusia.

Menurut SIS, perkara pertama yang perlu diusahakan ialah menilai kembali tafsiran al-Quran memandangkan kitab suci itulah yang menjadi sumber asas kepada Islam. SIS mengutarakan kepentingan mewujudkan versi tafsir al-Quran progresif. Tafsir versi ini diperlukan agar ajaran al-Quran menepati nilai-nilai kemodenan, menjunjung universalisme, hak asasi manusia dan seumpamanya, yang mewakili dan memberi fokus yang setara dan saksama kepada lelaki dan wanita serta semua lapisan manusia, berasaskan pandangan semesta Islam yang bersifat maju dan berkembang (Noraini Othman 2005: 153, Abdussalam & Musa Yusuf 2014: 69-76).

Seterusnya, SIS turut menjelaskan bahawa siri ceramah umum yang dirangka dan yang telah dilaksanakannya bertujuan untuk mendedahkan masyarakat umum di Malaysia secara keseluruhannya tentang pemikiran alternatif dalam Islam. Dalam siri-siri ceramah ini, SIS telah mengundang tokoh-tokoh seperti Mohammed Fathi Osman (1928-2010) yang bercakap tentang Islam dan kemodenan; Amina Wadud (1952-) tentang Islam, al-Quran dan suara wanita; Abdullahi Ahmed an-Naim (1946-) tentang hak-hak asasi manusia, agama dan sekularisme; dan lain-lain lagi dari kalangan tokoh ilmuwan yang mempromosikan aliran Islam Progresif (Andik Wahyun 2013: 504, Noraini Othman 2005: 102-103). Selain itu, para aktivis dan barisan kepimpinan SIS sememangnya sangat

menekankan pembaharuan pemikiran Islam yang secara langsung merujuk kepada kefahaman Islam Progresif sebagai alternatif yang perlu diikuti oleh masyarakat Islam dewasa ini (Temu bual Norhayati Kaprawi 3 Mac 2011, temu bual Puan Ratna Othman 30 Mac 2011).

SIS amat komited dengan usaha untuk mempromosikan dan mengembangkan pemikiran Islam Progresif. SIS menjelaskan bahawa pergerakannya akan terus menjalinkan hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan lain yang boleh bekerjasama dengannya dalam usaha berkongsi ilmu pengetahuan, maklumat dan strategi. SIS juga menegaskan bahawa kerjasama dan perhubungan tersebut bertujuan mencari kesepakatan dalam perjuangan menentang diskriminasi terhadap golongan wanita yang dibuat atas nama agama (Noraini Othman 2005: 153). Pada masa yang sama, jalinan hubungan tersebut merupakan usaha bersepadu kalangan NGO yang sehaluan dalam perjuangan mempromosikan pembangunan pemikiran Islam Progresif di dunia Islam. Dalam hal ini SIS menegaskan:

*“Sisters in Islam will maintain communication with participating NGOs to build a process where we can work together to share knowledge, information, and strategies: as well as to provide mutual support to battle discrimination against women in the name of religion and to promote the development of a progressive Islam in the Muslim world”*

(Noraini Othman 2005: 153).

Bermaksud:

*“Sisters in Islam akan mengekalkan komunikasi dengan NGO yang mengambil bahagian untuk membina satu proses di mana kita boleh bekerjasama untuk berkongsi pengetahuan, maklumat, dan strategi-strategi: serta memberikan sokongan bersama untuk memerangi diskriminasi terhadap wanita atas nama agama dan untuk mempromosi perkembangan sebuah Islam progresif dalam dunia Muslim”*

(Noraini Othman 2005: 153).

Berasaskan penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa SIS mempunyai asas persamaan dengan aliran Islam Progresif tentang Islam dan dasar yang perlu dilaksanakannya. Kedua-dua SIS dan Islam Progresif, beranggapan bahawa adalah sesuatu yang terlalu asas dan perlu didahulukan untuk mereformasi atau mengembalikan semula maksud Islam dan ajarannya kepada pengertian dan maksud asal agama itu diwahyukan. Hakikat kepentingan ini jugalah yang menjadi desakan utama kepada usaha reformasi agama yang diperjuangkan oleh mereka (Andik Wahyun 2013: 503).

Konsep Islam sebagai agama, sama ada Islam Progresif ataupun Islam Liberal merujuk kepada sebuah agama yang bersifat berkembang, universal, progresif dan dinamik. Justeru, segala tafsiran dan amalan Islam itu perlu ditafsirkan dengan prinsip-prinsip dasarnya yang menjunjung nilai-nilai universalisme, hak-hak kemanusiaan dengan memberi fokus khusus kepada hak-hak wanita, golongan minoriti dan kaum bukan Islam yang berada di bawah sistem perundangan Islam, hak-hak kesetaraan tanpa mengira agama, budaya dan fahaman politik, serta hak kebebasan berfikir dan berekspresi. Konsep agama yang diperjuangkan SIS juga lebih mengutamakan pembinaan moral yang bersifat mendidik dan bertoleransi berbanding pendekatan yang disifatkan keras melalui penguatkuasaan hukum Syariah (Ahmad Muhyuddin 2012: 287).

Kajian terhadap ideologi SIS yang bermula dengan premis pertama mengenai bentuk kefahamannya terhadap Islam ini amat penting sebagai laluan awal untuk memahami ideologi SIS seterusnya yang merupakan premis keduanya iaitu berkenaan dengan hak-hak asasi manusia.

#### IDEOLOGI YANG MENDUKUNG HAK-HAK ASASI MANUSIA DAN KEBEBASAN SIVIL

Kajian mengenai perjuangan menegakkan hak-hak asasi manusia berkisar kepada persoalan sejauhmana kefahaman dan komitmen SIS terhadap perjuangan hak-hak manusia ini dalam kerangka perbahasan Islamnya. SIS telah mendakwa sebagai gerakan yang mengkaji, mempromosi dan memperjuangkan hak-hak asasi manusia menurut perspektif Islam serta mempromosikan keadilan dan kesetaraan gender (Ahmad Muhyuddin 2012: 290; Hafizah & Mohd Zamro 2017: 16). Sebelum melihat lebih jauh tentang isu hak-hak asasi manusia menurut konsep perjuangan SIS, perlu disingkap terlebih dahulu tentang apakah yang dimaksudkan dengan hak-hak asasi manusia, latarbelakang serta asas pembentukannya.

Hak-hak asasi manusia (disebut dengan singkatannya HAM) ditakrifkan sebagai hak-hak dan kebebasan-kebebasan yang tersedia wujud dan menjadi hak milik seseorang secara semulajadi semenjak ia dilahirkan sebagai manusia (The New Encyclopedia Britannica 1998: 137). Terdapat dua deklarasi utama berkaitan HAM ini. Pertama, deklarasi yang dikeluarkan oleh PBB iaitu *The Universal Declaration of Human Rights* (UDHR),

dan kedua, deklarasi hak asasi manusia yang dipersetujui dan dikeluarkan oleh negara-negara Islam di bawah OIC yang dikenali sebagai *Universal Islamic Declaration of Human Rights* (UIDHR). Hakikat kewujudan UDHR dianggap sebagai simbol atau kemuncak kepada kejayaan perjuangan liberalisme Barat dalam mendaulatkan hak-hak kemanusiaan (Saari Sungib 2007: 31). Sedangkan UIDHR pula dianggap sebagai alternatif kepada UDHR yang digagaskan oleh kelompok Islam yang tidak bersetuju dengan sebahagian idea dan agenda liberalisme yang tersirat dalam UDHR itu (Ahmad Muhyuddin 2012: 297-298, Abdussalam & Musa Yusuf 2014: 57).

Menyentuh konteks politik dunia hari ini ternyata deklarasi yang dikeluarkan oleh PBB lebih mempengaruhi dan mendominasi masyarakat antarabangsa dewasa ini di mana deklarasi ini sering dijadikan rujukan. Perisytiharan atau deklarasi HAM PBB ini telah diwartakan pada 10 Disember 1948. Perisytiharan HAM PBB atau UDHR ini telah menyenaraikan pelbagai hak kemanusiaan, bermula dengan hak sivil, politik, ekonomi, hinggalah kepada hak sosial dan kebudayaan yang terkandung dalam 30 artikel kesemuanya (Hoover 2013). Secara umum, hak-hak kemanusiaan dalam deklarasi tersebut boleh dikategorikan dalam empat kebebasan utama iaitu kebebasan dari ketakutan, kebebasan memilih dan bertindak sendiri, kebebasan untuk bersuara dan kebebasan kepercayaan (Feldman 2002: 5). Contoh hak-hak asasi manusia yang disebut dalam deklarasi ini antaranya ialah hak untuk hidup, hak untuk memperoleh pendidikan, hak untuk hidup bersama-sama dan setaraf dengan orang lain, hak untuk mendapatkan perlakuan yang sama, hak untuk mendapatkan pekerjaan dan seumpamanya (Refugee Survey Quarterly 2008).

Sebelum melihat lebih jauh tentang isu HAM dan hubungannya dengan perjuangan SIS, adalah mustahak untuk ditelusuri terlebih dahulu konsep dan sejarah pembentukan kedua-dua deklarasi tersebut. Analisa terhadap asas dan latarbelakang pembentukan kedua-dua deklarasi ini akan memberi penjelasan lanjut terhadap kecenderungan dan pendirian SIS sama ada ia berpihak kepada idea liberal atau tidak dalam isu HAM ini. Lebih-lebih lagi apabila SIS menjadikan aspek hak asasi sebagai wadah dan matlamat perjuangannya, di samping pembaharuan Islam.

Latar belakang pembentukan UDHR yang muncul di tangan PBB sejak 1948 itu adalah penjelmaan dari evolusi sejarah dan perkembangan tamadun Barat. Ia adalah produk perkembangan



falsafah liberalisme yang digagaskan oleh para pemikir terulung Barat seperti John Locke (1632-1704), Immanuel Kant (1724-1804), Jeremy Bentham (1748-1832) dan John Stuart Mill (1806-1873) yang secara bersama menyumbang kepada kelahiran dan perkembangan ideologi dan aliran-aliran liberalisme. Evolusi perkembangan liberalisme adalah berasaskan antropologi individualistik humanisme. Sebagaimana yang tersurat dalam sejarah liberalisme, humanisme adalah jawapan kepada penolakan autoriti dan pengaruh agama di Barat di mana ia telah menukar orientasi manusia Barat dari berpusat kepada ketuhanan kepada berpusat kepada manusia itu sendiri. Evolusi liberalisme yang berlangsung sepanjang perkembangan tamadun Barat bermula dari peristiwa penentangan terhadap autoriti gereja zaman feudal lagi, telah melahirkan piagam HAM (UDHR) yang boleh dianggap sebagai kemuncak pencapaiannya. Berdasarkan ideologi dan semangat individualistik humanisme tersebut, piagam HAM ini dibentuk dan disepakati oleh majoriti negara Barat yang menjunjung nilai-nilai kemanusiaan. Bermula dari situ, doktrin HAM menjadi benar-benar dominan dan agama-agama tidak lagi diberi ruang seperti sebelumnya (Hamid Fahmy Zarkasyi t.th; Hamid Fahmy Zarkasyi 2008; Saari Sungib 2007: 31).

Doktrin humanisme yang menjadi teras kepada liberalisme tersebut kemudiannya menjadi inti atau hati kepada HAM lalu diisytiharkan sebagai nilai-nilai sejagat yang perlu dijunjung dan dipertahankan. Antara nilai-nilai humanisme yang utama tersebut:

Pertama, pegangan terhadap doktrin liberal yang mempercayai bahawa keperibadian manusia diibaratkan sebagai sesuatu yang mulia dan suci (sacral), dan bersifat mutlak dan universal. Justeru, mempercayai bahawa hak dan kebebasan adalah nilai-nilai yang diukur dan ditafsir menurut citarasa dan kehendak mutlak setiap individu. Individu bebas mentafsir dan membuat keputusan sendiri untuk kebaikan dirinya tanpa wujud sebarang gangguan atau sekatan dari mana-mana pihak atau kuasa luar

(Ahmad Muhyuddin 2012: 292).

Kedua, oleh kerana UDHR berpaksikan kepada fahaman liberal terhadap manusia dan interpretasi sejarah manusia, maka ia percaya bahawa akal fikiran manusia adalah asas bagi segala pentafsiran, penggubalan undang-undang atau penentuan sebarang sistem yang mencakupi seluruh aspek kehidupan duniawi manusia. Justeru, UDHR berpegang bahawa kontrak sosial diwujudkan bagi membolehkan anggota masyarakat memilih wakil-wakil mereka dengan tujuan menggubal peraturan dan undang-undang yang memenuhi tuntutan dan keinginan majoriti masyarakat. Kontrak sosial ini melahirkan politik liberal yang digerakkan atas kepercayaan bahawa setiap individu yang memilih dan dipilih, mengetahui sepenuhnya apa yang terbaik untuk mereka dan masyarakat. Dengan

itu, masyarakat perlu sentiasa memperkasakan amalan demokrasi liberal dan menjunjung kedaulatan rakyat dalam isu pemerintahan dan penggubalan undang-undang. Oleh itu, HAM dalam deklarasi ini sentiasa menjunjung dan menganjur undang-undang ciptaan manusia

(Ahmad Muhyuddin 2012: 292).

Prinsip ini secara jelas menegaskan bahawa undang-undang sivil tidak boleh diasaskan di atas prinsip-prinsip agama. Ini kerana agama menurut kaca mata hak asasi manusia ini bertujuan untuk membangunkan individu yang sempurna, sedangkan undang-undang sivil bertujuan untuk mencapai kebajikan sosial. Disebabkan dua tujuan yang berbeza ini, maka undang-undang agama tidak digunapakai untuk menguatkuasakan sebarang peraturan yang berkaitan dengan kepentingan dan kemaslahatan rakyat umum. Dengan kata lain, agama dilihat sebagai hak dan urusan persendirian individu atau orang perseorangan. Faktor agama sama ada undang-undang atau pengaruh ajarannya, tidak boleh dipaksakan kepada mana-mana individu apatah lagi kepada masyarakat umum

(Saari Sungib 2007: 12).

Asas ketiga, UDHR menekankan bahawa matlamat akhir bagi segala peraturan dan polisi yang dibentuk dalam masyarakat dan negara mestilah sentiasa memupuk dan menganjurkan ke arah budaya hidup liberal berasaskan prinsip Utilitarianisme yang mampu menyediakan kebahagiaan semaksima mungkin untuk masyarakat terbanyak (Greatest happiness for the greatest number). Budaya dalam konteks kehidupan liberal memberi tumpuan terhadap hak-hak individu dari segi keinginan hati nurani dan gaya hidup persendirian. Ia meliputi jaminan terhadap setiap individu untuk dapat menikmati hak-haknya yang meliputi hak kebebasan dalam soal beragama, bersosial dan berseksual, hak kebebasan kognitif serta perlindungan dari sebarang penindasan atau paksaan oleh mana-mana pihak termasuk pemerintah atau autoriti agama yang mencampuri urusan atau hak-hak peribadi individu tersebut

(Saari Sungib 2007: 7, 31, 32; Hamid Fahmy Zarkasyi 2008).

Asas-asas utama di atas sebenarnya adalah hasil kepercayaan Barat terhadap konsep ketinggian martabat manusia (human dignity) yang terlalu memfokuskan kepada hak kebebasan individu tanpa batasan, dengan menolak unsur-unsur atau pengaruh hukum agama dalam urusan kehidupan duniawi. Tafsiran hak dan kebebasan individu sedemikian menjadi asas kepada pembentukan UDHR dan sistem perundangan di negara Barat kini. Ringkasnya, UDHR bolehlah disebut sebagai satu perakuan agar seluruh negara di dunia bersetuju menggunakan dan mempertahankan ideologi liberalisme yang menjunjung hak-hak kebebasan dan rasional pemikiran manusia serta menjadikan sistem demokrasi liberal sebagai ideologi dan cara hidup yang utama dan sempurna (Ahmad Muhyuddin 2012: 293-297).

UDHR ini telah mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan agamawan. Oleh kerana deklarasi ini tidak melibatkan keutamaan peranan agama-agama,

maka ia dilihat tidak bersifat universal sepenuhnya. Deklarasi ini bukan hanya mengundang rasa tidak puas hati dari kalangan masyarakat Islam bahkan turut mendapat kritikan dan respons daripada para penganut agama-agama besar selainnya. Para agamawan dari pelbagai agama ini telah mengambil inisiatif dengan mengadakan beberapa siri persidangan bagi menilai dan mengubahsuai UDHR mengikut perspektif keagamaan. Siri persidangan tersebut bermula dengan nama 'Project on Religion and Human Right' yang berlangsung di New York pada bulan Julai 1993 (Hamid Fahmy Zarkasyi 2008).

Tokoh perintis yang paling terkemuka mengupas persoalan HAM ialah Sayyid Abul 'Ala al-Mawdudi (1903-1979), pengasas Jamaati Islam. Beliau juga dilihat tokoh pemikir Islam yang paling terkehadapan dalam mengkritik UDHR. Dewasa itu, beliau dianggap tokoh Islam yang paling gigih dalam usaha merintis perbincangan secara intelektual dan sistematik mengenai konsep HAM menurut Islam sebagai alternatif kepada deklarasi PBB tersebut (Ahmad Muhyuddin 2012: 294). Al-Mawdudi telah menggariskan prinsip-prinsip hak asasi yang terkandung dalam Al-Quran, Al-Sunnah dan amalan Khulafa' al-Rasyidin dalam satu risalah kecil yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris lalu disebar ke dunia Barat dengan judul *Human Rights in Islam*. Risalah ini mengandungi tiga bab utama iaitu mengenai hak-hak asasi manusia, hak-hak kerakyatan dalam sebuah negara Islam dan hak-hak musuh ketika peperangan. Antara hak-hak asasi manusia yang dibincangkan dalam buku ini ialah hak untuk hidup, hak keselamatan, penghormatan terhadap maruah wanita, hak untuk memperoleh keperluan kehidupan yang asas, hak kebebasan individu, penjualan hamba dalam masyarakat Barat serta kedudukan perhambaan dalam Islam, hak mendapatkan keadilan, hak kesamaan manusia dan hak untuk berkerjasama dan untuk tidak berkerjasama (Al-Mawdudi 1995).

Prinsip-prinsip umum tersebut boleh disarikan kepada beberapa prinsip pokok seperti berikut (Al-Mawdudi 1995; Ahmad Muhyuddin 2012: 294):

Pertama: Islam mengakui persamaan semua orang tanpa membezakan asal-usul, ras, jenis kelamin, warna kulit dan bahasa.

Kedua: persamaan adalah asas untuk memperoleh hak dan kewajiban asasi manusia.

Ketiga: kebebasan manusia dalam masyarakat Islam konsisten dengan keperluan kehidupannya. Nilai ini merujuk kepada prinsip bahawa manusia dilahirkan dalam keadaan untuk hidup

bebas, dengan membawa maksud bebas juga dari sebarang tekanan dan perhambaan.

Keempat: Islam mengakui persamaan antara penguasa dan rakyat yang kedua-duanya mestilah tunduk kepada hukum Allah tanpa diskriminasi.

Kelima: seorang warganegara adalah sebagai anggota masyarakat dan mempunyai hak untuk menafikan sesiapa pun yang mengganggu ketenteraman masyarakat.

Risalah kecil ini akhirnya menjadi rujukan asas bagi persoalan mengenai HAM menurut perspektif Islam yang meliputi isu-isu politik dan perlembagaan, sistem kehakiman dan persoalan mengenai Islam dan demokrasi. Al-Mawdudi dianggap telah berjaya menjadikan perbincangan dan penyelidikan tentang HAM tumbuh subur di kalangan ulama dan ahli-ahli akademik dalam negara baru Pakistan. Selepas itu lahir banyak tulisan-tulisan dari beberapa Ayatullah di Iran yang mengukuhkan lagi idea Sayyid Abul 'Ala al-Mawdudi tersebut. Ayatullah Khomeini dipetik sebagai berkata: "*What they call human rights is nothing but a collection of corrupt rules worked out by the Zionists to destroy all true religion*" yang bermaksud "Apa yang mereka panggil sebagai hak asasi manusia tidak lain daripada sebuah koleksi peraturan yang dihasilkan oleh golongan Yahudi Zionis untuk memusnahkan semua agama yang benar" (Saari Sungib 2007: 6; Ahmad Muhyuddin 2012: 294).

Isu UDHR dan pendirian Islam terhadap HAM telah menjadi wacana utama kalangan para cendekiawan dan pemimpin Islam. Kemudiannya, telah berlangsung dua persidangan ulama Islam yang disertai oleh ulama, fuqaha', pakar undang-undang, ahli-ahli akademik, wakil-wakil gerakan Islam dan pertubuhan Islam yang bernaung di bawah nama *Islamic Council of Europe*. The Islamic Council of Europe diasaskan di London dalam tahun 1973 di bawah pengurusan seorang diplomat Arab-Mesir yang bernama Salem Azzam. Antara nama-nama besar dari kumpulan ini ialah Sadiq Al-Mahdi (bekas Perdana Menteri Sudan), dua pakar undang-undang Pakistan iaitu A.K. Brohi dan Khalid Ishaque, dan dua orang hakim iaitu Midhat Azzam dan Dr Kholi dari Mesir. Kumpulan ini berjaya melahirkan dua buku kecil yang mengandungi gagasan pemikiran ulama Islam ketika itu. Buku-buku tersebut ialah *Universal Islamic Declaration Human Rights* dan *A Model of an Islamic Constitution* yang dicetak dalam tahun 1981 dan 1983. Persidangan ulama ini diadakan dua tahun berturut-turut iaitu pada 1980 dan 1981 dengan memberi tumpuan khusus untuk mempromosikan HAM menurut Syariah. Hasilnya, satu perisytiharan

HAM sejagat berdasarkan Islam berjaya diluluskan dengan nama Universal Islamic Declaration of Human Rights (UIDHR) pada 19 September 1981. Negara-negara Islam seperti Sudan, Saudi Arabia, Mesir dan sebagainya turut menganggap bahawa UDHR PBB gagal memasukkan pertimbangan dari konteks kebudayaan dan keagamaan bagi negara-negara non-Barat (Ahmad Muhyuddin 2012: 295).

Jika dibandingkan antara kedua deklarasi HAM ini; liberalisme dan Islam, terdapat banyak persamaan secara umumnya. Terdapat fasal-fasal mengenai HAM yang dikongsi bersama antara UIDHR dan UDHR. Persamaan tersebut antaranya seperti yang tertulis pada UIDHR: Artikel 11 (A) dan UDHR: Artikel 4, mengenai hak terhadap kebebasan; UIDHR: Artikel 12 (A) dan UDHR: Artikel 13 & 14, mengenai hak kebebasan bergerak dan mendapat perlindungan politik; UIDHR: Artikel 19 (E) dan UDHR: Artikel 19, mengenai hak kebebasan bersuara; dan UIDHR: Artikel 23 dan UDHR: Artikel 23, mengenai hak berhimpun secara aman dan berpersatuan. Sungguhpun demikian, konsep hak kebebasan yang menjadi teras utama kepada HAM bagi kedua-dua deklarasi tersebut sangat berbeza dari sudut pengertian dan pegangannya. Konsep kebebasan menurut deklarasi Islam itu meletakkan Tuhan sebagai pemilik asal kebebasan. Kemudian, hak kebebasan yang menjadi milik mutlak Tuhan, dianugerahkan kepada manusia sebagai nikmat dari-Nya. Namun, kebebasan yang dianugerahkan itu bersifat tidak mutlak dan terbatas sesuai dengan keterbatasan sifat dan upaya manusia sebagai makhluk yang relatif. Jadi, sebarang usaha untuk memberi kebebasan mutlak kepada manusia adalah ilusi yang berbahaya dan akan memudaratkan kehidupan manusia itu sendiri (Ahmad Muhyuddin 2012: 295-296).

Tegasnya, konsep kebebasan manusia dalam Islam adalah tertakluk kepada hukum Tuhan dan kepatuhan terhadap-Nya. Misalnya, perbuatan bunuh diri tidak dianggap sebagai hak persendirian individu terhadap dirinya sendiri. Sebaliknya, perbuatan tersebut dianggap jenayah dan berdosa besar di sisi Islam kerana ia dianggap sebagai melampaui hak Tuhan. Kebebasan manusia juga diertikan sebagai satu ikhtiar (usaha) untuk memilih baik dan buruk. Dalam Islam, manusia bebas memilih apa sahaja dari kebaikan dan tidak boleh sama sekali memilih sebarang kejahatan sama ada untuk diri sendiri atau kepada orang lain. Jadi, bebas di sini dalam konteks maksud ikhtiar atau usaha manusia (untuk memilih) dengan sifatnya yang terbatas. Oleh yang demikian,

Tuhan telah memberikan manusia pedoman melalui wahyu dan para Rasul-Nya di samping akal serta ilmu pengetahuan untuk memimpin manusia ke arah kebaikan. Tuhan juga menjadikan syariat-Nya sebagai batasan agar manusia tidak melampaui dalam menikmati hak-hak yang dikurniakan tersebut. Ringkasnya, manusia mempunyai hak kebebasan dalam memilih kebaikan berasaskan Syariah dan akalnya. Ulama Islam dalam membicarakan hak kebebasan dalam konteks ini merujuk kepada pandangan semesta Islam dan epistemologinya yang bersumberkan al-Quran, Hadis, Ijmak, Qiyas (akal) dan juga intuisi atau ilham (Hamid Fahmy Zarkasyi 2008).

Terdapat dua persoalan penting yang dibahaskan dalam deklarasi HAM antara Islam dan liberalisme ini, iaitu pertama; kebebasan berfikir dan berekspresi dan keduanya; kebebasan beragama. Kebebasan berfikir dan berekspresi mendapat tempat yang tinggi di sisi Islam. Namun berfikir dan berekspresi harus disertai keimanan kepada Tuhan, bukan berfikir bebas yang melampaui hak Tuhan seperti di Barat. Kebebasan ini dalam konteks ijtihad dalam Islam hanya dibolehkan kepada seseorang yang memiliki autoriti keilmuan yang dapat dipertanggungjawabkan. Secara epistemologinya, kebebasan berfikir dan berekspresi dibatasi oleh pandangan hidup Islam (Worldview of Islam) yang secara konseptual mestilah bersumber dan berlandaskan kepada al-Qur'an, Hadis dan tradisi intelektual Islam. Jadi, kebebasan berfikir itu mestilah berasaskan kepada epistemologi, ontologi dan aksiologi Islam (Ahmad Muhyuddin 2012: 296).

Kebebasan beragama yang diberikan Islam mengandungi tiga pengertian asas: pertama, bahawa Islam memberikan kebebasan kepada manusia untuk memeluk agama masing-masing tanpa ada ancaman dan tekanan. Tidak ada paksaan bagi orang bukan Islam untuk memeluk agama Islam. Kedua, apabila seseorang telah menjadi Muslim maka dia tidak sebarangnya untuk bertukar kepada agama lain atau kembali kepada agamanya yang asal. Ketiganya, Islam memberi kebebasan kepada pemeluknya untuk menjalankan ajaran agama sepanjang tidak keluar dari garis-garis Syariah dan akidah (Ahmad Muhyuddin 2012: 296).

Konsep kebebasan inilah yang menjadi isu pertentangan paling pokok antara deklarasi UIDHR dan UDHR. Konsep kebebasan ini kemudiannya membawa kepada perbezaan dalam isu-isu selanjutnya. Antara perkara-perkara dalam UDHR yang dilihat bertentangan dengan Islam ialah:

Artikel 1 “*All human beings are born free and equal in dignity and rights*” yang menganggap semua manusia dilahirkan bebas dan setara dari sudut hak-hak dan kehormatan diri (Refugee Survey Quarterly 2008). Sedangkan, berasaskan sistem politik dan hukum pemerintahan Islam (Fiqh al-Siyasah dan Fiqh al-Dawlah), Islam sememangnya mempunyai pandangan yang berbeza dari segi hak orang Islam dan bukan Islam dalam sebuah negara Islam.

Artikel 2 UDHR yang menyebut setiap orang mempunyai hak-hak dan kebebasan yang sama rata tanpa ada sebarang bentuk perbezaan sama ada disebabkan oleh perbezaan ras, warna kulit, jantina, bahasa, agama, politik, pendapat dan sebagainya (Refugee Survey Quarterly 2008).

Artikel 16 (1) UDHR menjelaskan bahawa lelaki dan wanita yang sudah akil baligh mempunyai hak dan kebebasan untuk berkahwin dan membentuk keluarganya sendiri. Mereka mempunyai hak yang sama rata untuk berkahwin, semasa berkahwin dan semasa ingin membubarkan perkahwinan (Refugee Survey Quarterly 2008). Sedangkan, Islam mempunyai undang-undangnya tersendiri tentang hukum murtad, pewarisan harta pusaka dan persaksian yang meletakkan perbezaan antara pewaris lelaki dan wanita, Islam dan bukan Islam. Islam juga menggariskan hak-hak yang berbeza berpandukan kepada tanggungjawab peranan sebagai suami, isteri, hak penceraian talak dan fasakh dan seumpamanya. Islam juga meletakkan hukum dan syarat tertentu untuk mendirikan rumahtangga yang berlandaskan akidah dan agama. Orang Islam tidak dibenarkan berkahwin dengan golongan yang tidak dihallowkan oleh syarak untuk dinikahinya seperti disebabkan oleh perbezaan agama atau ada hubungan keturunan seperti adik beradik kandung dan seumpamanya.

Artikel 18 UDHR yang memberikan kepada setiap orang hak dan kebebasan untuk berfikir, berkeyakinan dan beragama termasuklah hak kebebasan untuk menukar agama (Refugee Survey Quarterly 2008). Sedangkan dalam Islam, terdapat hukum *irtidat* atau murtad yang menghalang seseorang Muslim itu untuk menukar agamanya. Kebebasan dalam Islam juga dikawal oleh Syariah yang berdasarkan prinsip ‘*amar makruf dan nahi munkar*’ yang bersumberkan al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qiyas.

Artikel 19 pula menyebut seseorang itu berhak untuk bebas berfikir dan berekspresi atau menzahirkan pendapatnya. Hak dan kebebasan ini termasuklah untuk mempertahankan pandangannya dan bebas juga mencari dan memperoleh maklumat dan idea dari mana-mana sumber apa pun (Hamid Fahmy Zarkasyi 2008, Refugee Survey Quarterly 2008). Islam juga mempunyai etika dan hukum tertentu yang perlu dipatuhi dalam isu penyampaian maklumat dan berekspresi di mana Islam mengharamkan segala bentuk fitnah, mengumpat, mencaci dan mengadu domba.

Secara ringkasnya, UDHR bolehlah dirumuskan sebagai produk atau kemuncak perjuangan liberalisme yang berasaskan individualistik humanisme. Hak-hak asasi tersebut dibentuk berlandaskan akal fikiran dan interpretasi sejarah manusia; menjadikan suara dan keinginan masyarakat terbanyak sebagai sistem nilai yang mengukur baik

dan buruk sesuatu perkara. Matlamat akhir deklarasi berasaskan liberalisme ini adalah bertujuan untuk mewujudkan sebuah kehidupan liberal bagi seluruh masyarakat dunia di mana setiap manusia mampu menikmati hak-haknya serta bebas menentukan corak hidupnya sendiri dalam segenap lapangan hidupnya tanpa sebarang tekanan, campurtangan dan pengaruh pihak lain. Manakala, UIDHR pula merupakan deklarasi alternatif mengenai HAM sejagat yang berlandaskan hukum Syariah. Antara matlamat penting pembentukan UIDHR ini juga ialah bertujuan untuk mewujudkan solidariti dunia Islam dan juga sebagai respons umat Islam kepada kuasa Barat yang sering mempersoalkan kedudukan HAM di dunia Islam (Ahmad Muhyuddin 2012: 297).

HAM menurut deklarasi yang digariskan oleh ulama Islam, Abul ‘Ala al-Mawdudi, tersebut dapat disarikan kepada empat dasar utama iaitu;

Pertama, ia bersumberkan ajaran dan hukum Islam di mana menurut ajaran Islam manusia dianggap sebagai makhluk yang mulia;

Kedua, HAM dalam Islam adalah kurniaan dari Tuhan dan bukan pemberian dari manusia kepada manusia lain dengan kehendak manusia (ertinya, hak asasi dalam Islam adalah *innate* / fitrah);

Ketiga, HAM dalam Islam bersifat komprehensif yang termasuk di dalamnya hak-hak berpolitik, berekonomi, bersosial dan berbudaya; dan

Keempat dan terpentingnya, HAM dalam Islam bersumberkan Syariah serta mengikut tafsirannya. Dalam kata lain, HAM sentiasa mendukung Syariah dan tidak pernah terpisah dari hukum tersebut (Ahmad Muhyuddin 2012: 298, Hamid Fahmy Zarkasyi 2008).

## SIS DAN HAK ASASI MANUSIA

Berbalik kepada kajian mengenai pandangan dan pegangan SIS terhadap HAM, asas-asas dan prinsip-prinsip yang berbeza dalam kedua-dua deklarasi yang dijelaskan sebelum ini tetap menjadi sandaran dan bandingan bagi memahami sejauh mana ideologi dan nilai perjuangan liberal wujud dalam pergerakan SIS. Dukungan dan keserasian antara SIS dengan prinsip-prinsip yang dibincangkan itu akan menjelaskan lagi rupa pergerakan feminisme Islam tersebut sama ada ia benar-benar mendukung aliran liberal atau sebaliknya.

Apa yang nyata dari analisa terhadap pergerakan SIS dan tafsiran Islamnya sebelum ini, UIDHR jelas mengandungi beberapa unsur atau nilai yang tidak dipersetujuinya. Dengan kata lain, UIDHR yang



dihasilkan itu jelas menepati beberapa sifat dan unsur yang sering dikritik dan ditentang oleh SIS. Hakikat pertentangan prinsip atau nilai antara UIDHR dan SIS boleh ditelusuri seawal latar belakang pembentukan deklarasi ini lagi (Ahmad Muhyuddin 2012: 306). Asas ideologi tentang hak dan kebebasan, sumber dan aliran pemikiran yang dijelaskan dalam latar belakang pembentukan deklarasi HAM menurut Islam tersebut menjadi salah satu faktor asas yang memisahkan SIS dengan UIDHR tersebut. Setelah diambil kira dari aspek latar belakang pembentukan UIDHR itu, terdapat sekurang-kurangnya tiga faktor utama yang menjadi asas pertentangan antara SIS dan deklarasi HAM Islam itu (Ahmad Muhyuddin 2012: 306-307).

Pertama, deklarasi HAM menurut Islam itu jelas merupakan idea-idea gerakan politik Islam sebagai respons yang memprotes UDHR tajaan liberalisme Barat. Kedua, tokoh-tokoh gerakan yang berusaha merintis kelahiran deklarasi Islam tersebut jelas terdiri dari mereka yang sangat dikenali sebagai tokoh-tokoh gerakan Revivalis Islam yang dikategorikan oleh SIS (dan Islam Liberal) sebagai kelompok dari aliran Islam Tradisionalis atau Konservatif. Manakala faktor yang ketiga adalah jelas bahawa deklarasi HAM menurut perspektif Islam itu; UIDHR, dibentuk dan ditafsirkan berasaskan Syariah yang dianggap klasik dan tidak relevan (Ahmad Muhyuddin 2012: 307).

Deklarasi HAM menurut Islam tersebut adalah jelas hasil usaha gerakan politik Islam dewasa pembentukannya. Sayyid Abu 'Ala al-Mawdudi tokoh penting yang merintis pembentukan UIDHR, adalah salah seorang pemimpin gerakan politik terkenal dari Jamaati Islami (1941-) yang sangat berpengaruh di India-Pakistan. Al-Mawdudi juga adalah seorang tokoh yang sangat dikenali sama ada di dunia Barat dan Islam sebagai pemikir besar politik Islam kontemporari yang banyak menghabiskan usianya dalam menghasilkan penulisan-penulisan mengenai teori politik Islam. Selain itu, nama-nama seperti Hasan al-Banna (1906-1949) dan Syed Qutb (1906-1966) adalah pemimpin dan pelopor kepada gerakan Ikhwan Muslimin (1928-) yang juga dikenali sebagai pemikir gerakan politik Islam yang sangat berpengaruh. Ikhwan al-Muslimin bukan sahaja sangat berpengaruh dalam kalangan negara Arab, bahkan sejak awal kemunculannya lagi telah mempengaruhi gerakan-gerakan politik Islam di seluruh dunia sehingga kini (Ahmad Muhyuddin 2012: 306-308).

SIS menolak seruan dan pendekatan yang diambil oleh aliran Islam Revivalis yang mendominasi

pergerakan-pergerakan politik Islam. Metode perjuangan golongan Islam Revivalis meletakkan pembentukan Negara Islam yang mendaulatkan Syariah Islam sebagai matlamat utama. Sementara, SIS dalam perbincangan tentang konsep Islam Progresif sebelum ini jelas menolak pendekatan seruan Islam seperti itu. Mereka menganggap bahawa perjuangan Islam Revivalis itu sebagai satu usaha untuk mengembalikan semula amalan konservatif yang bersifat anti-pemodenan. Mereka juga menganggap bahawa pendekatan dan ajaran Islam yang dibawa oleh Islam Revivalis ini sentiasa bersifat terlalu eksklusif yang hanya membenarkan pandangan dan cara sendiri sahaja. SIS juga berpendapat bahawa usaha untuk mengembalikan sistem kekhilafahan seperti yang dicanang oleh Islam Revivalis itu juga sudah tidak sesuai lagi dengan corak kehidupan masyarakat moden yang menjunjung nilai-nilai universalisme dan pluralisme. Sedangkan, SIS sangat mengutamakan pendekatan Islam yang menekankan pembangunan moral yang bersifat toleransi berbanding tafsiran dan amalan Islam Politik atau Islam Syariah yang bersifat punitif dan sering menjurus ke arah politik teokrasi (Ahmad Muhyuddin 2012: 286, 288-289).

Unsur ketiga dan yang terpenting ialah berkenaan dengan kedaulatan Syariah, di mana deklarasi HAM yang dikeluarkan oleh ulama Islam tersebut ditegaskan berlandaskan Syariah. Segala prinsip dan dasar HAM yang dijunjung dan dipertahankan dalam deklarasi tersebut adalah secara jelas disusun menurut epistemologi Islam yang bersumberkan al-Quran, Hadis dan dari aktiviti Ijtihad termasuklah Qiyas dan Ijmak para ulama terdahulu. Sedangkan, menurut pandangan Islam Liberal begitu juga SIS, Syariah yang wujud dan dipertahankan itu sebahagian darinya adalah sudah tidak sesuai dan bertentangan dengan nilai-nilai sejagat dan prinsip asas al-Quran itu sendiri. Mereka sering mendakwa bahawa sebahagian dari sumber-sumber termasuk teks-teks al-Quran dan Hadis-Hadis, terutamanya yang membezakan kedudukan dan hak antara lelaki dan wanita telah sudah tidak relevan lagi dan perlu kepada tafsiran semula. Sementara, Syariah itu juga dianggap produk ulama tradisional yang tercemar dengan pengaruh budaya patriarki Arab Jahiliyah dan kepentingan politik semasa (Ahmad Muhyuddin 2012: 303, Abdussalam & Musa Yusuf 2014: 61), Mohd Anuar Ramli 2012: 138-139).

Ketiga-tiga unsur ini, sama ada dari sumber Islam Tradisionalis, Syariah atau pendekatannya yang berwatakkan 'Islam Politik', jelas ditolak oleh SIS (dan juga Islam Liberal). Hakikat pertentangan

ini adalah jelas dan ia juga boleh ditelusuri dalam perbincangan sebelum ini mengenai persepsi SIS terhadap sifat Islam Progresif yang didukungnya. Ringkasnya, deklarasi HAM menurut Islam tersebut sememangnya sebahagian dari kejayaan perjuangan gerakan dakwah dan politik Islam dari kelompok Islam Revivalis. Deklarasi HAM menurut Syariah Islam tersebut juga mendapat perhatian dan dukungan dari majoriti umat Islam sedunia tanpa sempadan mazhab dan negara. Ia turut mendapat dukungan daripada golongan Ayatullah atau Mullah yang sering dikritik oleh SIS (dan Islam Liberal) sebagai kelompok yang mengamalkan sistem pemerintahan yang cenderung kepada politik teokrasi (Ahmad Muhyuddin 2012: 312-313).

Ringkasnya, dari aspek asal-usul, sumber dan pendekatan deklarasi HAM menurut Syariah tersebut, ternyata ia merupakan deklarasi hasil produk golongan Islam Revivalis atau Tradisionalis yang meletakkan kedaulatan Syariah sebagai prinsip asas kepada kehidupan sejagat. Berasaskan kepada ketiga-tiga unsur pokok di atas, ternyata deklarasi Islam itu sememangnya tidak menepati syarat atau tidak serasi dengan corak pembaharuan Islam yang diperjuangkan oleh SIS. Namun, untuk memahami sejauh mana komitmen SIS terhadap HAM tersebut, boleh dibuktikan melalui tinjauan terhadap sikap, pendirian dan pendekatan yang diambil oleh SIS dalam usaha untuk menjustifikasikan ideologi serta mempertahankan HAM yang dijunjungnya itu.

#### DUKUNGAN SIS TERHADAP HAM DAN SIKAPNYA TERHADAP SYARIAH

Sanjungan SIS terhadap HAM muncul sejak awal penubuhannya lagi terutama ketika ia memberi respons kepada isu-isu semasa yang timbul berkaitan dengan isu-isu keagamaan dan hak-hak kemanusiaan sama ada dari dalam atau luar negara. Pertumbuhan aliran ini seiring dengan perkembangan ideologi di abad akhir abad ke-20 yang menghadapi pergolakan besar dan perubahan yang pesat dan mendalam terutama dalam bidang ilmu dan autoriti. Pertumbuhan ideologi pascamodenisme, pasca-Marxisme, feminisme, teori pascakolonial, pengajian budaya dan aliran intelektual lain telah menimbulkan kekeliruan yang tidak sedikit di kalangan barisan ilmuwan akademik konvensional. Percambahan pemikiran yang rancak ini memberikan satu cabaran serius kepada perspektif teori konvensional atau tradisional dan perundangan (Abdul Rahman Embong 1998: 1).

Serangan fahaman dan pemikiran moden sangat bercanggah dengan ajaran Islam dan mereka sentiasa berusaha menyusun strategi dalam serangan terhadap umat Islam sehingga dapat memberikan impak yang cukup terkesan dalam komuniti Islam (Umami Zainab & Muhammad Azizan 2018: 114,116). Inilah yang kelihatan pada SIS di mana agak kritikal dan berani ketika berbicara mengenai isu-isu semasa ini. Betapa teguh sikap dan pendirian SIS terserlah apabila ia dilihat sebagai NGO wanita yang paling kehadapan di Malaysia dalam memacu hala tuju perjuangannya itu.

SIS boleh dianggap mendukung idea liberalisasi agama Islam Liberal apabila ia mengambil pendekatan dan hujah yang sama dalam penolakannya terhadap 'Syariah' dan pendewaannya terhadap HAM. Sejauhmana dukungan SIS terhadap HAM boleh dibuktikan dengan sikap ekstrimnya dalam menyanjung dan melebihkan HAM yang mengatasi hukum Syariah. Menurut SIS, syariah terhasil dari usaha atau ijtihad ulama Tradisionalis yang bersifat manusiawi; yang tertakluk dan terbatas pada perubahan waktu, suasana dan perkembangan manusia. Syariah tersebut dianggap sudah dicemari oleh pengaruh budaya patriarki dan kepentingan politik kemanusiaan. SIS dan Islam Liberal menggelarnya sebagai Syariah atau Fekah Klasik, atau Syariah Tradisionalis (Ahmad Muhyuddin 2012: 311-313). Realiti ini boleh ditelusuri kepada ucapan-ucapan para tokoh dan aktivis SIS, serta turut terapar dalam laman web dan buku-buku terbitannya. Penolakan SIS terhadap Syariah demi kepentingan HAM kerap terjelma dalam respons-responsnya terhadap isu-isu semasa yang hadir dalam masyarakat. Ia meliputi perjuangan emansipasi wanita dalam enakmen kekeluargaan Islam, polisi Islamisasi yang beragendakan dasar pengawasan moral melalui penguatkuasaan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah, pencerobohan terhadap hak-hak kebebasan dan persendirian dalam aspek kebebasan berekspresi dan kebebasan beragama (Sisters in Islam 2010).

Demi perjuangan emansipasi wanita dalam Enakmen Kekeluargaan Islam, SIS dilihat begitu berani mengkritik Syariah dan perlaksanaannya. SIS secara umum mendakwa bahawa hukum Syariah yang diamalkan di kebanyakan negara adalah bersifat bias gender atau zalim terhadap wanita; *"The Shari'ah Judiciary system in many countries seems to act complicitly with recalcitrant husband, preventing women from accessing their rights under the law"*, yang bererti: "Sistem Kehakiman

Shari'ah di banyak negara nampaknya bertindak secara konvensional dengan suami yang tidak bertanggungjawab, menghalang wanita daripada mengakses hak mereka di bawah undang-undang” (Norani Othman 2005: 199-200).

Faktor utama mengapa Syariah dilihat sedemikian pada kaca mata SIS, ialah kerana undang-undang tersebut mencabuli prinsip utama HAM yang menjunjung hak kesamaan dan kesetaraan taraf manusia tanpa mengira jantina, ras, agama dan budaya. Bagi SIS, pencabulan prinsip utama HAM ini sebenarnya disebabkan oleh faktor patriarki yang menguasai kefahaman agama dan pembentukan hukumnya. SIS melihat faktor patriarki ini sememangnya wujud dalam pembentukan hukum fikah serta dalam perlaksanaannya (Norani Othman 2005: 96).

Justeru itu, dengan perspektif HAM mengikut acuan liberalisme, SIS menentang Syariah yang dianggap bersikap bias gender, sentiasa melebihkan lelaki dan mendiskriminasi wanita. Menurut SIS, Syariah telah membezakan lelaki dan perempuan dalam banyak fasal perundangannya. Sikap bias gender dan diskriminasi terhadap wanita oleh Syariah terbukti setelah ia mengkhususkan fungsi wanita (atas alasan faktor maruah dan kesesuaian biologi) kepada peranan-peranan yang bersifat domestik dalam skop yang kecil dan terbatas. Wanita tidak lebih hanya berperanan di rumah, mendidik anak-anak, melayan suami, dan melakukan kerja-kerjanya sebagai suri rumah. Selain kedudukan wanita sebagai kelas kedua dalam bidang kerjaya, wanita juga direndahkan martabatnya dalam hukum-hukum persaksian, akikah, *taharah* (hukum bersuci) dan sebagainya (Mohd Anuar Ramli 2012: 154).

Demi perjuangan emansipasi wanita dan HAM itu jugalah, SIS meletakkan sasaran dan tumpuan utama seruan reformasinya pada Enakmen Kekeluargaan Islam. Sejak dari awal kemunculannya lagi, SIS dilihat banyak menumpukan perhatiannya, sama ada dalam bentuk kajian, perbahasan akademik, unjuran reformasi mahupun kritikan, terhadap enakmen kekeluargaan ini. SIS mendapati bahawa di bawah undang-undang ini, golongan wanita Islam tidak mendapat keadilan dan hak yang setara dengan kaum lelaki. Konstruksi sosial di kalangan masyarakat amat kuat sehingga mencetuskan diskriminasi gender (Nor Rafidah et. al 2017: 63, 66, 71). SIS menjelaskan bahawa hak-hak kaum wanita terhakis menurut tafsiran hukum yang dibuat berasaskan teks-teks Fikah Klasik (Nik Noraini Nik Badli Shah 2003: 97; Temu bual Puan Ratna

30 Mac 2011; temu bual Norhayati Kaprawi 3 Mac 2011) yang menyimpulkan: “*In classical fiqh texts, women are depicted as sexual beings, not as social beings, and their rights are discussed only in the context of family law. The classical fiqh notion of women’s rights in nowhere more evident than in the definition of the marriage contract, which treats women as semi-slaves.*” Yang bermaksud: “Dalam teks fiqh klasik, wanita digambarkan sebagai makhluk seksual, bukan sebagai makhluk sosial, dan hak mereka dibincangkan hanya dalam konteks undang-undang keluarga. Pengertian fiqh klasik tentang hak-hak wanita di mana sahaja lebih jelas daripada dalam definisi kontrak perkahwinan, yang memperlakukan wanita sebagai semi-hamba.”

Sehubungan dengan itu, SIS berpendapat bahawa pencabulan terhadap hak-hak wanita dalam Enakmen Kekeluargaan Islam tersebut berpusat atau bermula dari konsep perkahwinan, di mana konsep akad nikah seperti itu cenderung meletakkan wanita sebagai barang dagangan, umpama dalam konsep kontrak jual beli, yang menjadikan si isteri itu terjual lalu menjadi milik penuh suaminya secara mutlak. Konsep akad nikah begini akhirnya meletakkan si isteri dalam keadaan subordinasi di bawah dominasi ketuanan lelaki. Justeru, konsep perkahwinan sedemikian tidak akan sekali-kali memungkinkan si isteri menikmati hak-hak yang setara dengan yang dinikmati oleh suaminya. Hak-hak wanita yang asas juga seperti hak kebebasan untuk memilih calon suami ternoda di bawah hukum wali, hak-hak kebebasan untuk keluar di tengah-tengah masyarakat untuk bersosial dan berkerjaya terkekang di bawah konsep etika dan sistem kekeluargaan Syariah. Wanita tetap menjadi milik mutlak lelaki dan tidak dibenarkan keluar rumah tanpa keizinan lelaki atau suaminya (Noraini Nik Badlishah 2003: 99-100). Wanita juga diwajibkan untuk sentiasa patuh kepada perintah suami atau walinya. Justeru itulah, SIS merumuskan bahawa teks-teks Fikah Klasik telah menganjurkan doktrin patriarki dalam tafsiran dan penentuan hukumnya (Ziba Mir-Hosseini 2006: 6).

Bermula dengan konsep akad nikah yang bias gender ini, SIS mendakwa hukum-hukum kekeluargaan seterusnya terbina dalam keadaan songsang dengan pandangan yang sentiasa melebihkan kaum lelaki dan mendiskriminasi wanita. Ratna Othman, Pemangku Pengarah SIS ketika itu, menjelaskan bahawa konsep nikah mengikut fahaman tradisional seperti yang difahami dari pandangan Imam al-Ghazali yang menjelaskan nikah sebagai ‘membeli faraj wanita’, merupakan

suatu yang tidak boleh diterima dalam masyarakat moden. Fahaman berasaskan konsep nikah sedemikian menimbulkan sifat 'superior' suami ke atas isterinya. Seterusnya, ia akan meletakkan status wanita begitu rendah, seolah-olah barangan yang telah dibeli dan dimiliki penuh oleh lelaki (suami). Keadaan begini akan membuka ruang kepada penguasaan dan penganiayaan suami ke atas isterinya (Temu bual Puan Ratna 30 Mac 2011). Mulai dari konsep perkahwinan yang salah ini, menurut SIS, penguatkuasaan enakmen kekeluargaan tersebut gagal untuk berlaku adil kepada kaum wanita dan hakikat ini terjelma dalam hukum-hukum fikah seperti dalam bab talak, pewarisan pusaka, persaksian dan seumpamanya. Lebih dahsyat lagi apabila hukum fikah ini telah memberikan hak kepada suami untuk memukul isterinya (Nik Noraini Nik Badli Shah 2003: 97-98; Raja Nor Ezzurien 2016: 50-53; Ziba Mir-Hosseini 2006: 6).

Secara umumnya, sanjungan SIS kepada HAM dan penolakannya terhadap Fikah Klasik tersebut sebenarnya banyak menyamai idea-idea para tokoh feminisme dari aliran Islam Liberal. Antara yang utamanya ialah dari antara bekas pengasas SIS sendiri, Dr. Aminah Wadud. Tokoh feminisme dari Islam Liberal ini sering diketengahkan oleh SIS sementara idea-idea beliau sentiasa menjadi rujukan dan sandaran utama reformasi agamanya. Antara tokoh-tokoh besar dari aliran Islam Liberal yang sering menjadi rujukan kepada SIS ialah Abdullahi Ahmed An-Na'im (1946-), KH. Husein Muhammad (1953-) dan Ziba Mir-Hosseini (1952-). Selain mereka ini, SIS juga menyarankan beberapa tokoh yang dilihat dari kelompok aktivis Islam Liberal berserta dengan senarai buku-buku mereka untuk dijadikan rujukan kepada idea-idea feminisme dan reformasi agama yang diperjuangkannya, antaranya: Mohammed Fathi Osman (bukunya: Wanita Islam dalam Keluarga dan Masyarakat - Sisters In Islam, 1996), Syafiq Hasyim (bukunya: Hal-Hal Yang Tak Terfikirkan Tentang Isu-Isu Keperempuan Dalam Islam - Mizan, 2001) dan Dr. H. Nasaruddin Umar (bukunya: Bias Gender Dalam Penafsiran Kitab Suci - Fikahati Aneska, 2000) (Sisters in Islam 2010; Norani Othman 2005: 102-103, 153, 198, 203, 206).

SIS sememangnya gigih mempromosikan gagasan pemikiran tokoh-tokoh Liberalisme dan Pluralisme dari dunia Islam tersebut dan hakikat ini terjelma melalui aktiviti-aktiviti dan program-program pendidikan awam yang dilaksanakan olehnya. Antara program mereka ialah pendidikan

awam yang menganjurkan pengkajian undang-undang, reformasi undang-undang, pengkajian semula pentafsiran al-Quran, pendedahan tentang reformasi Islam dan Syariah, hak asasi manusia, emansipasi wanita, pendidikan tentang konsep kesamaratan dan keadilan sejagat dan kempen kesedaran tentang keganasan dalam rumahtangga dan kesedaran tentang Akta-akta perundangan berkaitan (Daleleer & Sheela 2018: 78, 79). Aktiviti juga diadakan dalam bentuk forum, ceramah, klinik bantuan, kempen, bengkel, penulisan akhbar dan buku, penyelidikan dan kursus pendek (Ahmad Muhyuddin 2012: 241, 247-271, Hafizah & Mohd Zamro 2017: 16). Tokoh-tokoh tersebut juga sering dijemput oleh SIS untuk menjayakan kursus-kursus pendek dan seminar-seminar keilmuan. Kemudiannya, hasil penulisan dan ucapan para tokoh liberal tersebut dicetak dan dibukukan bagi tujuan sebaran umum.

Manakala dalam aspek perjuangan mempertahankan hak-hak kebebasan dan hak persendirian yang mencakupi perbahasan mengenai kesamarataan hak dan darjat antara manusia, hak-hak kebebasan berekspresi, sampailah kepada hak kebebasan beragama yang mutlak, skop dan seruan perjuangan SIS sangat berpihak kepada aspek-aspek kemanusiaan dan keagamaan ala-Islam Liberal. Sebahagian besar perbahasan isu ini banyak terfokus kepada penentangan SIS terhadap polisi Islamisasi yang menjadikan Syariah sebagai peraturan untuk mengawasi moral dan perilaku masyarakat Islam. SIS melihat proses Islamisasi ini adalah merupakan ancaman bahkan, mencabuli keluhuran HAM sejagat. Penolakan terhadap dasar Islamisasi ini sekali lagi membuktikan bahawa SIS mengambil pendirian dan sikap yang sama dengan aliran Islam Liberal dalam menjustifikasi krisis pertembungan antara HAM dengan Syariah (Abdullahi Ahmed An-Naim 2006: 198; Ahmad Muhyuddin 2012: 327).

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisa terhadap hak-hak asasi manusia menurut deklarasi UDHR dan UIDHR berserta pendirian dan kenyataan-kenyataan SIS melalui pelbagai aktiviti dan penerbitannya tentang HAM sebagaimana yang difahami dan dipegang oleh SIS, jelas SIS adalah aliran feminis bersifat liberal dan mendokong HAM yang terhasil dari perjuangan liberalisasi Barat. SIS bermula dengan penentangannya terhadap polisi Islamisasi, kritikan dan penolakan terhadap hukum Syariah dan



penguatkuasaannya, penolakan terhadap institusi agama dan termasuk fatwa, sanjungannya terhadap hak-hak kebebasan dan persendirian dalam soal kebebasan beragama yang mutlak, sehinggalah penolakannya terhadap piagam Madinah dan hukuman Murtad, cukup untuk menjustifikasikan sikap dan pendirian SIS sebagai sebuah gerakan feminisme yang sangat mendaulatkan HAM mengikut acuan Islam Liberal. Penjelasan dari sudut ideologi perjuangan SIS terhadap HAM dan pendirian mereka terhadap ideologi Islam Progresif, cukup memadai untuk mengukur persamaan perjuangan konsep pergerakan SIS yang seiring dengan asas dan ciri perjuangan Islam Liberal sekali gus menguatkan lagi hujah bahawa SIS sememangnya dari aliran feminisme Islam Liberal.

#### PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada UKM-GUP-TKS-07-08-077 kerana menaungi dan membiayai penyelidikan ini.

#### RUJUKAN

- Ahmad Muhyuddin Hj. Hassan. 2012. Fahaman Islam Liberal: Kajian Terhadap Pertubuhan Sisters in Islam. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. 1998. Perkembangan sains kemasyarakatan dan kemanusiaan di Malaysia: Realiti dan cabaran baru. *Akademika* 53(1) 1-5.
- Abdussalam Muhammad Shukri, Musa Yusuf Owoyemi. 2014. Sisters in Islam's quest for the reinterpretation of the Qur'an and Hadith: An analysis of their views on equality, women judges, and polygamy. *Kajian Malaysia* 32(1): 55-80.
- Andik Wahyun Muqoyyidin. 2013. Wacana kesetaraan gender: Pemikiran Islam kontemporer tentang gerakan feminime Islam. *Jurnal Al-Ulum* 13(2): 491-512.
- An-Na'im, Abdullahi Ahmed. 2006. *Menuju Reformasi Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Lian Soon Printing.
- Daleleer Kaur Randawar, Sheela Jayabalan. 2018. The definition of domestic violence in Malaysia: A cross-national comparison. *Akademika* 88 (3): 77-89.
- Drozdikova, Jarmila. 2005. *Progressive Muslims. Asian and African Studies*. 14 (1): 83-95. <https://www.sav.sk/journals/uploads/031212128-drozdikova.pdf>
- Engineer, Asghar Ali. 2008. *Islam Misgivings and History*. New Delhi: Vitasta Publishing Pvt. Ltd.
- Feldman, David. 2002. *Civil Liberties & Human Rights in England and Wales*. Oxford: University Press.
- Hafizah Mohd Bokri, Mohd Zamro Muda. 2017. Undang-undang pusaka Islam: Perspektif Sisters in Islam (SIS). *Al-Qanadir International Journal of Islamic Studies* 7(2): 11-21.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. 2008. *Religijs-Humanis*. Institute for the Study of Islamic Thought and Civilization (INSIST). Atas talian: <http://insistnet.com> [13 Ogos 2010].
- Hamid Fahmy Zarkasyi. T.th. *Hak dan Kebebasan Beragama (Dalam Perspektif Islam, DUHAM dan Keindonesiaan)*. Institut for the Study of Islamic Thought and Civilization (INSIST). Atas talian: <http://insistnet.com> [13 Ogos 2010].
- Hoover, Joe. 2013. Rereading the Universal Declaration of Human Rights: Plurality and Contestation, Not Consensus. *Journal of Human Rights*. Volume 12. Issue 2. 17 Mei. Hlm. 217-241. <https://doi.org/10.1080/14754835.2013.784663> [15 Ogos 2018].
- Kurzman, Charles. 1999. Liberal Islam: Prospects and Challenges. *Jurnal MERIA*. 3. <http://www.unc.edu/~kurzman/LiberalIslamLinks.html> [2 Mac 2010].
- Kurzman, Charles (pnyt.). 2003. *Wacana Islam Liberal Pemikiran Islam Kontemporer Tentang Isu-Isu Global* (terj.); judul asal: *Liberal Islam: A Sourcebook*. Paramadina dengan kerjasama Yayasan Adikarya IKAPI dan The Ford Foundation, Jakarta Selatan.
- Al-Mawdudi, Abul A'la. 1995. Human Rights in Islam. *Al Tawhid Journal*. Volume 4. No. 3. <http://iiu.edu.my/deed/articles/hr/index.html> [7 Jun 2010].
- Mir-Hosseini, Ziba. 2006. The Construction of Gender in Islamic Legal Theory. Kertas kerja Seminar International Consultation on Trends in Family Law Reform in Muslim Countries. Anjuran Sisters in Islam. Kuala Lumpur: Crown Princess Hotel, 18-20 Mac.
- Mohd Anuar Ramli. 2012. Analisis gender dalam hukum Islam. *Jurnal Fiqh* 9: 137-162.
- Nik Noraini Nik Badli Shah (pnyt.). 2003. *Islamic Family Law and Justice for Muslim Women*. Petaling Jaya: Sisters in Islam.
- Norani Othman (pnyt.). 2005. *Muslim Women and the Challenge of Islamic Extremism*. Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd.
- Norhayati Kaprawi. 2011. *Tuntutan dan Keperluan Melihat Semula Tafsiran al-Quran*. Restoran Chawan, Bangsar, Kuala Lumpur. Temu bual. 3 Mac.
- Nor Rafidah Saidon, Sity Daud, Mohd. Samsudin. 2017. Faktor kepimpinan dan gender dalam penglibatan politik wanita di Malaysia (1980-2013). *Akademika* 87(3): 61-173.
- Ratna Osman. 2011. *Sisters in Islam: Islamic Feminisme*. Ibu Pejabat Sisters in Islam, Petaling Jaya, Selangor. Temu bual. 30 Mac.
- Raja Nor Ezzurien Raja Ishak. 2016. Hak Asasi Manusia: Kajian Terhadap Sisters in Islam. Latihan Ilmiah. Sarjana Muda Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Refugee Survey Quarterly. 2008. *Universal Declaration of Human Rights: Adopted and Proclaimed by UN General Assembly Resolution*. Volume 27. Issue 3. 1 Januari, Hlm. 149–182, <https://doi.org/10.1093/rsq/hdn037> [15 Ogos 2018].
- Saari Sungib. 2007. Pengisytiharan Hak Asasi Manusia: Islam dan Barat. Kertas kerja Seminar Nasional: Hak Asasi Manusia & Hak Wanita dalam Islam. Anjuran Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia (JIM), PWTC, Kuala Lumpur, 26-27 Mei.
- Safi, Omid. 2003. *What is progressive Islam?* Averroes Foundation. <http://www.averroes-foundation.org/articles/progressive-Islam.html> [12 Ogos 2010].
- Sisters in Islam. 2007. *Tentang SIS*. <http://www.sistersinislam.org.my/BM/pengenalan.htm> [10 Disember 2008].
- Sisters in Islam. 2010. *Feminism Islam Warisan Sunnah Rasulullah*. [http://www.sistersinislam.org.my/index.php?Option=com\\_content&task=view&id=460&Itemid=99999999](http://www.sistersinislam.org.my/index.php?Option=com_content&task=view&id=460&Itemid=99999999) [12 Ogos 2010].
- Siti Nurul Atiqah Mohd Nawawi. 2018. *Pemikiran Islam Progresif Menurut Sa'diyya Shaikh (1969)*. Disertasi Sarjana. Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sumanto Al-Qurtuby. 2009. *Jihad Melawan Ekstremis Agama, Membangkitkan Islam Progresif*. Semarang: Borobudur Indonesia Pub.
- The New Encyclopedia Britannica*. 1998. Jil. 6. London: Encyclopedia Britannica Inc.
- Ugi Suharto. 2003. Apakah al-Qur'an Memerlukan Hermenuetika? *Tarjih: Jurnal Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam*. Volume 6 (1), 20-31. Yogyakarta, Indonesia: Majelis Tarjih dan Tajdid, Pimpinan Pusat Muhammadiyah.
- Umami Zainab Mohd Ghazali, Muhammad Azizan Sabjan. 2018. Sumbangan pemikiran dan perjuangan dakwah Muhammad 'Uthman El-Muhammady di Malaysia (1943-2013). *Akademika* 88(1): 107-119.

Indriaty Ismail (corresponding author)  
 Pusat Akidah dan Keamanan Global  
 Fakulti Pengajian Islam  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
 Email: indriaty@ukm.edu.my

Ahmad Muhyuddin Hj Hassan  
 Akademi Tamadun Islam  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
 Universiti Teknologi Malaysia  
 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia  
 Email: amdean@utm.my

Received: 14 September 2019  
 Accepted: 22 February 2021